

Kemasukan program televisyen

BH - 6 MAR 2000

Oleh Nazar Abdul

DALAM zaman serba canggih hari ini kemasukan program televisyen asing melalui stesen television tempatan tidak dapat dielakkan. Mahu tidak mahu, rakyat terpaksa menerima pelbagai program yang disajikan oleh stesen televisyen antarabangsa. Kemajuan teknologi maklumat (IT) dan komunikasi membolehkan penonton seluruh dunia termasuk Malaysia menerima program berkenaan sama ada berbentuk propaganda, jenayah atau hiburan.

Rakyat Malaysia juga kehausan maklumat dan ilmu pengetahuan mengenai pelbagai perkara yang sedang berlaku di seluruh dunia sama ada dalam bidang politik, ekonomi, hiburan, sains dan teknologi, ketenteraan serta sukan. Selain menerima maklumat melalui media cetak, saluran paling mudah dan berkesan ialah televisyen.

Tetapi apakah semua program yang ditawarkan stesen televisyen asing sesuai dengan nilai budaya penduduk negara ini? Sudah pasti tidak. Ini kerana banyak program yang disediakan mempunyai unsur budaya kuning dan peradaban yang tidak sesuai. Bagaimanapun

untuk melarang semua program asing daripada memasuki negara ini memang tidak wajar. Ada juga program yang berfaedah dan mempunyai maklumat penting untuk diketahui oleh penduduk negara ini seperti program dokumentari, berita dan ehwal semasa.

Sesuai dengan perkembangan dan kemajuan dunia, rakyat Malaysia juga perlu mengikuti setiap perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh penduduk di negara lain seperti dunia Barat melalui program yang disediakan oleh pelbagai stesen televisyen antarabangasupaya mereka tidak ketinggalan. Sebagaimana yang diketahui umum program televisyen memang mempunyai pengaruh yang besar terhadap penonton terutama golongan muda. Disebabkan pelbagai unsur negatif dan budaya kuning yang ditonjolkan oleh program televisyen asing serta ada pula yang mendewakan pengambilan dadah, maka ramai remaja terbabat dengan kegiatan jenayah dan maksiat termasuk di Malaysia. Walaupun kajian sains sosial masih belum dapat membuktikan kesan pengaruh media ini, namun kemungkinan ia mempengaruhi

ANALISIS

minda remaja, tidak boleh ditolak begitu saja.

Melihat kesan seperti ini yang berlaku di kebanyakan negara di dunia tidak hairanlah ramai rakyat negara ini menjadi resah dan bimbang dengan kemasukan banyak program asing sejak kebelakangan ini. Sebuah stesen televisyen tempatan dikatakan menayangkan lebih banyak program asing daripada program tempatan. Mereka bimbang jika keadaan seperti ini berterusan ia boleh menjejaskan kesejahteraan dan keharmonian hidup rakyat pelbagai kaum di negara ini. Untuk membendung gejala tidak sihat ini, sewajarnya pihak berkuasa mengawasi kemasukan program asing yang mempunyai pengaruh atau kesan negatif kepada rakyat.

Sewajarnya sebuah jawatankuasa khas atau Lembaga Penapis bertindak lebih tegas dan peka terhadap setiap program televisyen yang hendak disiarkan supaya tidak membawa mudarat kepada rakyat dan negara. Pengumuman Per-

asing perlu diawasi

dana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan akan mengkaji kesan baik atau buruk kemasukan program asing yang disiarkan oleh Astro sebelum membuat sebarang keputusan mengenai naya mendapat sokongan ramai khususnya mereka yang prihatin terhadap kesannya ke atas budaya negara.

Stesen televisyen itu mempunyai tanggungjawab sosial untuk sama-sama melahirkan masyarakat yang bermoral dan berwibawa tanpa dipengaruhi oleh pelbagai unsur negatif atau budaya kuning yang bertentangan dengan budaya ketimuran penduduk negara ini.

Memang program televisyen asing sangat menarik dan mengejutkan penonton tempatan kerana memaparkan pelbagai unsur luar biasa dan berani termasuk unsur ganas, berahi dan biadab untuk menarik minat orang ramai menontonnya. Program demikian pastinya mendapat sambutan ramai sebagaimana juga ramai akan menonton filem lucah jika ditayangkan. Tetapi apakah ini yang perlu dipertontonkan? Kesan tayangan program-program demikian perlu diambil kira. Yang pasti rakyat akan ter-

pengaruh dengan unsur negatif yang ditonjolkan dan ini amat merugikan negara serta boleh menjejaskan usaha kerajaan melahirkan rakyat pelbagai kaum yang bermoral, berdisiplin dan bersatu padu. Stesen televisyen tidak seharusnya mementingkan keuntungan saja sebaliknya perlu sama-sama bertanggungjawab melahirkan masyarakat yang harmoni dan bersih daripada unsur-unsur negatif yang boleh membawa kehancuran kepada bangsa dan negara.

Pada masa yang sama rakyat juga seharusnya lebih pandai memilih rancangan yang berguna. Mereka perlulah mempunyai sikap nasionalisme dengan memberi keutamaan kepada rancangan tempatan.

Apa yang dibimbangkan, tindakan mereka akan mendorong anak-anak mereka untuk tidak lagi menonton program tempatan melalui saluran tempatan. Bagi stesen televisyen tempatan, anggaplah ini sebagai satu cabaran getir untuk memperbaiki mutu persembahan mereka supaya rakyat lebih memilih rancangan yang mereka sajikan terutama di zaman rakyat boleh memilih begitu banyak saluran televisyen.